



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : MEI /

11 / 2024

M/S

: 7

Projek bangunkan semula KL Sentral mula akhir tahun

Kuala Lumpur: Projek pembangunan semula Stesen Kuala Lumpur Sentral (KL Sentral) akan bermula akhir tahun ini.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata pihaknya akan bekerjasama dengan Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) bagi melaksanakan projek itu.

“Stesen itu akan menjalani penambahbaikan untuk menjadikannya lebih moden, cekap dan dihubungkan dengan lancar ke kawasan sekitar.

“Penambahbaikan ini akan membabitkan kerja menaik taraf, mereka bentuk semula, penggunaan semula dan usaha membina semula untuk mencapai tahap pembinaan yang lebih moden dan canggih,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan Menara Sentral RAC, di sini, semalam.

Beliau berkata, projek pembangunan semula itu secara dasarnya mendapat kelulusan Kabinet pada Ogos tahun lalu untuk membaik pulih Stesen KL Sentral melalui inisiatif Perkongsian Awam-Swasta.

Pemaju projek, MRC, akan melaksanakan pembangunan dengan peruntukan belanja melebihi RM1.0 bilion dan kerajaan tidak akan menanggung sebarang kos bagi pembangunan semula itu.

“Perbincangan dengan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di bawah Jabatan Perdana Menteri sedang dijalankan,” katanya.

Loke juga menerangkan rancangan bagi kawasan KL Sentral, memperincikan inisiatif komprehensif untuk menghubungkan kepada semua bangunan bagi menambah baik mobiliti dan akses awam.

Loke pada Majlis Perasmian Menara Sentral RAC di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Aswadi Alias/BH)



“Rangkaian yang saling berkaitan ini akan membolehkan peralihan lancar antara titik berbeza dalam kawasan itu bagi memudahkan pergerakan orang ramai,” katanya.

Loke berkata, kerjasama awam-swasta perlu dipertingkatkan bagi pembangunan dan pembangunan semula infrastruktur serta kemudahan sektor perkhidmatan rel negara ini.

Katanya, kaedah itu berkesan sebagai pemangkin kepada pembangunan negara, malah pelaksanaannya memberikan banyak manfaat kepada rakyat dan kerajaan.